



**PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**  
*Office of Director-General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8**  
*Level 8, Block E8,*  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
*Government Complex Parcel E,*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

*Tel: 03-8884 6077*  
*Fax: 03-8889 4548*  
*Laman web: <http://www.moe.gov.my>*

KP(BS-DSR)8787/008/2/Jld.1 (3)  
03 Februari 2006

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL . 3/2006 :**  
**PELAKSANAAN SKIM BIASISWA SUKAN (SBS) KEMENTERIAN**  
**PELAJARAN MALAYSIA**

Surat Pekeliling Ikhtisas ini adalah bertujuan untuk menjelaskan tatacara pelaksanaan Skim Biasiswa Sukan yang akan dilaksanakan mulai Januari 2006.

2. Skim Biasiswa Sukan adalah bertujuan untuk meningkatkan kecemerlangan sukan di kalangan murid sekolah menengah di bawah Program Pembangunan Sukan di sekolah. Skim ini berupa bantuan untuk menampung perbelanjaan mengikuti program latihan dan memberi galakan kepada murid-murid yang terpilih agar mereka mengikuti program latihan secara bersungguh-sungguh sehingga mencapai tahap prestasi yang tinggi dalam bidang sukan yang diceburi.

3. Syarat-syarat kelayakan Hadiah Biasiswa, Skim Biasiswa Sukan ini adalah seperti berikut:

- i warganegara Malaysia;
- ii sedang belajar di Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 di sekolah menengah kerajaan dan di sekolah menengah bantuan kerajaan;
- iii menunjukkan prestasi cemerlang dalam sukan tertentu dengan sekurang-kurangnya telah mewakili negeri di peringkat kejohanan MSSM;
- iv mengikuti program pembangunan sukan/latihan di Sekolah Sukan Malaysia, Pusat Sukan Negeri, Pusat Sukan Daerah atau mana-mana Pusat Sukan di bawah program yang diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia;
- v tidak menerima sebarang biasiswa daripada agensi kerajaan dan bukan kerajaan; dan
- vi keutamaan akan diberi kepada murid yang terlibat dalam program latihan lapan (8) Sukan Teras Prestasi Tinggi dan lain-lain jenis sukan yang diputuskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.


4. Dalam melaksanakan skim ini, semua Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan dan sekolah hendaklah mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Skim Biasiswa Sukan (SBS) yang disediakan.

5. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan buku Garis Panduan Pelaksanaan Skim Biasiswa Sukan (SBS) tersebut untuk rujukan pihak Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

6. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah/Gabungan dan Pengetua sekolah di bawah pentadbiran Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**DATO' Dr. HAJI AHAMAD BIN SIPON**  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. Y.B. Dato' Sri Hishammuddin b. Tun Hussein  
Menteri Pelajaran Malaysia
  2. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pelajaran
  3. Y.B. Dato' Noh b. Omar  
Timbalan Menteri Pelajaran
  4. Y.B. Puan Komala Devi a/p M. Perumal  
Setiausaha Parlimen  
Kementerian Pelajaran Malaysia
  5. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia
  7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran  
Kementerian Pelajaran Malaysia
  8. Ketua-Ketua Bahagian  
Kementerian Pelajaran Malaysia
  9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah  
Kementerian Pelajaran Malaysia
  10. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pelajaran Malaysia
  11. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pelajaran Malaysia